



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

PETRA BAKAL LANCAR INISIATIF AGREGASI *ROOFTOP SOLAR*, BIDAAN BAHARU SOLAR BERSKALA BESAR SERTA SISTEM PENSTORAN TENAGA AKAN DITERUSKAN

PUTRAJAYA, 7 Februari 2025 – Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) akan memperkenalkan Program *Community Renewable Energy Aggregation Mechanism* atau CREAM, bagi membolehkan penggabungan ruang bumbung premis kediaman untuk penjanaan tenaga boleh baharu (TBB) kepada pengguna hijau setempat dilakukan.

Inisiatif agregasi *rooftop* solar di kawasan skim perumahan ini akan dilaksanakan berdasarkan konsep akses grid terbuka melalui penyesuaian terhadap mekanisme program *Corporate Renewable Energy Supply Scheme* (CRESS) yang telah diperkenalkan pada September 2024. Pelaksanaan program CREAM akan membolehkan:

- a. pemilik rumah memajak atau menyewa ruang bumbung premis kediaman mereka kepada pihak ketiga untuk digabungkan dengan ruang bumbung yang lain bagi tujuan pembangunan sistem jana kuasa solar PV untuk menghasilkan bekalan elektrik hijau kepada pengguna hijau setempat;
- b. pemaju TBB menggabungkan ruang bumbung berdasarkan perundangan di peringkat persekutuan, negeri dan pihak

berkuasa sedia ada untuk membangunkan sistem jana kuasa solar dan menjana bekalan elektrik hijau untuk disalurkan kepada pengguna hijau setempat menggunakan sistem pengagihan syarikat utiliti sedia ada; dan

- c. syarikat korporat sebagai pengguna hijau boleh mendapatkan bekalan elektrik hijau melalui penjanaan setempat.

Garis Panduan bagi pelaksanaan Program CREAM ini sedang dimuktamadkan dan perincian serta panduan pelaksanaan program ini akan diumumkan Suruhanjaya Tenaga dalam masa terdekat.

Selepas memperkenalkan program CRESS dan *Cross-border Electricity Sales for Renewable Energy* (CBES RE) untuk menyokong agenda peralihan tenaga, Program CREAM ini dijangka akan mewujudkan nilai tambah serta peluang ekonomi baharu kepada pemain industri dan masyarakat setempat sekaligus menyokong agenda peralihan tenaga negara.

Selain Program CREAM, PETRA akan terus menambah baik dan memperkukuhkan inisiatif dan program TBB sedia ada termasuk:

- a. pusingan bidaan baharu di bawah Program *Large Scale Solar* iaitu LSS-6 akan dibuka seawal suku tahun kedua 2025 bagi meningkatkan lagi kapasiti TBB dalam sistem pembekalan elektrik negara; dan

- b. bidaan baharu bagi sistem penstoran tenaga untuk mengukuhkan lagi sistem grid pembekalan elektrik negara akan dibuka selewat-lewatnya pada suku tahun ketiga 2025.

PETRA yakin program CREAM yang bakal diperkenalkan serta pengukuhan pelaksanaan program TBB sedia ada yang akan dilakukan mampu menyumbang secara signifikan kepada aspirasi peralihan tenaga negara khususnya dalam meningkatkan campuran kapasiti TBB dalam sistem pembekalan elektrik negara kepada 70% menjelang tahun 2050, selain menyokong komitmen PETRA untuk mengurangkan jejak karbon sektor bekalan elektrik negara.

KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR 7 FEBRUARI 2025

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel.: 03-8000 8000 | E-Mel: ukk@petra.gov.my

